

Langkah drastik PTPTN

U.M. M/S 11 2/2/07

Oleh NIZAM YATIM
(WARTAWAN UTUSAN)

Adakah mereka lupa kerja yang diperoleh sekarang sehingga boleh membeli kereta adalah kerana mempunyai ijazah universiti yang dibiayai menggunakan wang PTPTN



YUNOS ABD. GHANI

WALAUPUN baru menjawat jawatan sebagai Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak lima bulan lalu, Yunos Abd. Ghani telah membawa perubahan drastik kepada badan itu apabila baru-baru ini mengumumkan akan menyenaraikan mereka yang masih gagal melunaskan pinjaman.

Langkah tersebut membatikan kumpulan pertama kira-kira 1,000 peminjam yang menamatkan pengajian pada tahun 1999 menyebabkan mereka tidak boleh lagi memiliki kad kredit atau membuat pinjaman termasuk bagi pembelian kereta atau rumah dengan mana-mana institusi kewangan.

Ini berikutan, mulai 1 Februari ini senarai nama mereka dimasukkan ke dalam rekod Credit Tip Off Service Sdn. Bhd. (CTOS).

Disenarai

Mereka yang disenarai hitam dalam CTOS tidak boleh membuat pinjaman dengan institusi kewangan.

Beliau yang ditemu bual *Utusan Malaysia* di pejabatnya di Kuala Lumpur baru-baru ini mempertahankan tindakan itu yang disifatkannya sebagai wajar bagi mendidik golongan terpelajar terbabit supaya lebih bertanggungjawab.

"Kita tidak dapat menerima alasan remeh-temeh yang diberikan termasuk kerana banyak hutang lain dan bagi saya jika mereka boleh membuat pinjaman kereta RM650 sebulan kenapakah tidak dapat membayar RM150 sebulan kepada PTPTN."

"Adakah mereka lupa kerja yang diperoleh sekarang sehingga boleh membeli kereta adalah kerana mempunyai ijazah universiti yang dibiayai menggunakan wang PTPTN," katanya yang sebelum ini pernah bertugas sebagai Naib Presiden Perbankan Runcit Bank Muamalat (M) Bhd.

Langkah menyenaraikan nama peminjam di bawah CTOS adalah kali pertama

dilakukan badan pemberi pinjaman pelajar di negara ini memandangkan Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak pernah mengenakan tindakan sama.

Beliau berkata, peminjam yang disenarai hitam dalam CTOS perlu menghubungi PTPTN bagi menyelesaikan semua tunggakan atau membuat rayuan untuk pembayaran ansuran sebelum dipertimbangkan untuk dikeluarkan daripada senarai berkenaan.

Menurut beliau, langkah lain yang dilakukan ialah menghantar surat amaran sejak 31 Disember lalu terhadap 30,484 graduan yang gagal menghubungi PTPTN bagi melunaskan hutang selepas mena-

matkan pengajian pada 1999.

"Setakat 24 Januari hanya 10,071 orang yang telah memberikan jawapan manakala 20,413 graduan yang masih mendiamkan diri akan didakwa di mahkamah dan kita juga akan menyenaraikan mereka di dalam CTOS," jelasnya.

Beliau berkata, PTPTN terpaksa mengambil tindakan tegas itu bagi memastikan pinjaman berkenaan dilangsaikan oleh graduan terbabit yang kini berusia antara 30 dan 35 tahun dengan pendapatan antara RM3,500 hingga RM5,000 sebulan.

Yunos, 50, berkata, pengalamannya dalam sektor perbankan akan digunakan sepenuhnya bagi mengatasi masalah utama yang dihadapi PTPTN iaitu sikap liat

graduan membayar balik pinjaman.

"Matlamat ditubuhkan PTPTN ialah untuk memastikan semua rakyat Malaysia yang layak dapat memasuki universiti walaupun tidak berkemampuan dan keengganan membayar balik pinjaman hanya akan menjejaskan generasi akan datang termasuk anak-anak mereka kerana kerajaan tidak boleh menyalurkan dana baru sepanjang masa," ujarnya.

Beliau berkata, sejak ditubuhkan pada 1997, PTPTN telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM11.75 bilion kepada 945,000 pelajar institusi pengajian tinggi.

Pinjaman

Bagaimanapun, ujarnya, sehingga tahun lalu hanya 44 peratus pinjaman berjaya dikutip kembali dan pencapaian itu bukan sesuatu yang boleh dibanggakan.

Menurutnya, sasaran yang ditetapkan pada tahun ini ialah mengutip 70 peratus daripada RM873.2 juta pinjaman matang yang masih belum dibayar oleh 430,763 graduan.

Jumlah yang telah membayar setakat ini ialah seramai 177,663 orang melibatkan nilai RM385.6 juta.

Mengenai perancangan masa depan bagi memastikan lebih ramai membayar balik pinjaman, beliau berkata, pihaknya sedang mengkaji untuk mencontohi langkah JPA dan Mara yang mewajibkan peminjam menyediakan penjamin.

"Ini adalah antara cadangan yang sedang difikirkan dan jumlah penjamin belum ditetapkan," ujarnya.

Beliau berkata, beberapa prosedur sedia ada yang sudah baik akan dikekalkan termasuk memberikan masa antara enam bulan sehingga dua tahun kepada graduan sebelum mereka mula membuat pembayaran.

Katanya, peminjam juga boleh membuat permohonan bagi membolehkan bayaran dibuat menerusi potongan gaji.

Tambah beliau, tumpuan juga diberikan bagi mempercepatkan pengeluaran pinjaman kepada pelajar dan sebaik-baiknya pada hari mereka mendaftar diri memasuki universiti.